

UMSKAL berupaya rancakkan ekonomi Labuan

NST 4.10.2017 8



ROZMAN (kiri) mengadakan perbincangan dengan Dr Yusof (tiga dari kanan), Dr Shahril (kanan) dan Dr Murnizam (dua dari kanan).

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mampu merancakkan ekonomi Labuan khususnya dalam konteks pelancongan dan hab pendidikan.

Perkara itu dinyatakan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Dr Haji Yusof Yacob pada majlis lawatan kerja rombongan Lembaga Pengarah Universiti, UMS ke pejabat Pengerusi Perbadanan Labuan, Datuk Rozman Isli di pejabatnya di Tingkat 10,

Menara Perbadanan Labuan, pada Isnin.

Dr Yusof yang mengetuai rombongan lawatan kerja itu berkata, usaha itu dapat di-realisasikan dengan kehadiran pelajar antarabangsa di samping pelajar tempatan.

Turut sama dalam lawatan kerja itu ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr Shahril Yusof, Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik dan Timbalan Pendaftar Kanan UMS

Labuan, Zamri Haji Mohamad Tuah.

Hadir sama Pengarah Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan Perbadanan Labuan, Ibrahim Tambi.

Sementara itu, lawatan kerja itu turut membincangkan berkaitan pembangunan yang dilakukan oleh UMS terhadap kampusnya di Labuan (UMSKAL) selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Labuan sebagai hab pendidikan yang unggul dirantau ini. - **OLEH JAINUDIN**

DJIMIN